

Kosmo
4/2/17
ms 12

Selepas 8 tahun Malaysia failkan permohonan semakan terhadap keputusan ICJ

Semak keputusan Batu Puteh

● Isu tuntutan bertindih Pulau Batu Puteh timbul apabila Singapura mempertikaikan kedaulatan negara ke atas Pulau Batu Puteh pada 14 Februari 1980, 25 tahun selepas berpisah dengan Malaysia

● Pada Februari 1993, Singapura meluaskan tuntutannya ke atas Middle Rocks dan South Ledge, yang terletak berhampiran

● Pada 6 Februari 2003 satu perjanjian telah ditandatangani oleh kedua-dua negara membawa isu tersebut ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)

● Pada 6 hingga 23 November 2007, pasukan peguam dan diplomat Malaysia dan Singapura melakukan pendengaran lisan berhubung tuntutan Pulau Batu Puteh, Middle Rocks dan South Ledge di ICJ, The Hague, Belanda. Pasukan peguam Malaysia diwakili Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail dan Ejen Bersama, Datuk Noor Farida Ariffin

● 23 Mei 2008: ICJ telah memutuskan kes tuntutan bertindih ke atas Pulau Batu Puteh yang menjadi pertikaian antara Malaysia dan Singapura sejak 1980 adalah milik Singapura

● 2 Februari 2017: Malaysia membuat permohonan semakan ke atas keputusan ICJ yang menyerahkan Pulau Batu Puteh kepada Singapura

Mengenai Pulau Batu Puteh

● Pulau Batu Puteh memiliki keluasan 2,000 meter persegi, dan semasa air surut panjangnya ialah 137 meter

● Dinamakan sebagai batu putih kerana terdapat sekelompok burung camar laut yang mendiami pulau ini pada masa yang lalu

● Rumah Api Horsburgh yang terdapat di pulau itu dibina oleh pihak British pada 1851

Sri Abdul Gani Patail dan Ejen Bersama, Datuk Noor Farida Ariffin.

PUTRAJAYA — Kerajaan Malaysia kelmarin memfailkan permohonan semakan terhadap keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) ke atas Pulau Batu Puteh, Middle Rocks dan South Ledge yang pernah diputuskan badan perundangan tersebut lebih lapan tahun lalu.



Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali (gambar kecil) dalam satu kenyataan semalam berkata, permohonan itu

difaikkan Malaysia kelmarin selepas mendapat fakta-fakta baharu.

“Permohonan itu, yang difaikkan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague, Belanda dibuat oleh Malaysia selepas penemuan beberapa fakta penting, yang sebelum ini apabila penghakiman diputuskan, fakta tersebut tidak diketahui oleh mahkamah dan juga Malaysia sebagai pihak yang memohon semakan.

“Kami juga yakin bahawa keperluan seperti termaktub di bawah Artikel 61 Statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa telah dipenuhi dalam perkara itu, antara lain permohonan bagi semakan difaikkan dalam tempoh enam bulan selepas penemuan fakta baharu dan dalam tempoh 10 tahun daripada tarikh penghakiman,” kata beliau.

Beliau berkata, permohonan Malaysia untuk semakan penghakiman adalah kesinambungan proses yang dimulakan pada 9 Mei 2003 oleh Malaysia dan Republik Singapura, apabila kedua-dua negara bersetuju untuk merujuk pertikaian berhubung kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh, Middle Rocks



PERTIKAIAN ke atas Pulau Batu Puteh kembali panas apabila Malaysia membuat permohonan semakan semula di ICJ kelmarin.



INILAH Mahkamah ICJ yang terletak di The Hague, Belanda.



KERATAN Kosmo! 24 Mei 2008.

dan South Ledge kepada ICJ.

Mohamed Apandi berkata, penemuan fakta-fakta baharu adalah penting dan ia harus didengar sewajarnya di mahkamah.

“Oleh itu, seperti dipersetujui oleh kedua-dua pihak dalam Perjanjian Khas, Mahkamah Keadilan Antarabangsa adalah forum yang sesuai untuk ini,” kata Peguam Negara.

Pada 23 Mei 2008, ICJ memutuskan bahawa Singapura mempunyai kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh, sementara Middle Rocks adalah milik Malaysia manakala South Ledge pula tertakluk kepada wilayah perairan di mana ia terletak kelak.

Pulau Batu Puteh terletak 77 batu nautika dari pantai Tanjung Penyusuh di Johor.

Pertikaian antara Malaysia



dan Singapura ke atas pulau dan terumbu itu berlaku sejak 1980 selepas Malaysia melakukan pemetaan sempadan maritim yang meliputi Pulau Batu Puteh sebagai wilayahnya pada tahun 1979.

Bagaimanapun, Singapura yang mengendalikan Rumah Api Horsburgh di atas Pulau Batu Puteh mempertikaikan pulau

tersebut adalah milik Malaysia.

Dalam keputusan di ICJ, dengan keputusan majoriti 12-4, Pulau Batu Puteh diputuskan adalah milik Singapura.

Wakil Malaysia di The Hague ketika itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Rais Yatim (kini Tan Sri), Duta Tugas-Tugas Khasnya, Tan Sri Abdul Kadir Mohamad, Peguam Negara, Tan